

TARIKH	SABTU, 2 JULAI 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PROGRAM CLEVER TINGKAT PENGGUNAAN TEKNOLOGI EV
M/S	15
BIDANG	MOSTI
KATA KUNCI	MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

Program CLEVER tingkat penggunaan teknologi EV

Inisiatif selari matlamat menjadikan negara neutral karbon seawal 2050

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Iskandar Puteri: Program *Campuses for Local Electric Vehicle Expeditious Roll-out (CLEVER)* yang akan dilaksanakan di universiti terpilih dapat meningkatkan pembangunan dan merencanakan lagi penggunaan teknologi kenderaan elektrik (EV) tempatan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata program di bawah teraju NanoMalaysia Berhad (NMB) itu mampu menjadi platform atau *sandbox* pengawalseliaan dan inovasi bagi membolehkan syarikat pemula serta inovator menjalankan ujian masa nyata berkaitan teknologi EV dalam persekitaran terkawal.

Beliau berkata, teknologi EV berpotensi dalam usaha memperkasakan perkhidmatan pengangkutan awam dan penghantaran menjelang 2030.

Katanya, langkah itu menyokong sasaran Dasar Automotif Nasional (NAP) 2020 untuk me-



Dr Adham melawat Program CLEVER di EduCity Sports Complex, Iskandar Puteri, semalam. (Foto BERNAMA)

nyediakan kira-kira 5,000 stesen mengecas EV bagi mengukuhkan sokongan infrastruktur EV.

“Langkah ini juga secara tidak langsung menggalakkan rakyat memiliki dan menggunakan EV sebagai pengangkutan pilihan.

“Menerusi NMB yang juga peneraju program CLEVER bertindak mengawal selia dan memacu inovasi syarikat pemula untuk mempercepatkan pembangunan dan penggunaan teknologi EV.

“Ini termasuk pelaksanaan mobiliti elektrik dua roda, stesen pertukaran bateri dan pengecasan tenaga boleh diperbaharui,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran CLEVER di EduCity Sports Complex,

di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif NMB, Dr Rezal Khairi Ahmad.

Dr Adham berkata, pembabitian NMB adalah signifikan dalam mewujudkan ekosistem kondusif yang menggalakkan bakat tempatan untuk membangunkan kecemerlangan teknologi dan memasarkan pencapaian mereka.

“Antara objektif CLEVER adalah mengurangkan pelepasan karbon selaras matlamat menjadi negara neutral karbon seawal 2050. CLEVER melihat potensi yang ada pada universiti sebagai perintis kepada program ini.

“Persekitaran kampus universiti adalah kawasan yang bersesuaian untuk permulaan,

berikutan kawasan kampus adalah persekitaran terkawal dengan had kelajuan dan bilangan kenderaan yang kurang berbanding jalan raya utama,” katanya.

Sementara itu, Rezal Khairi berkata, program CLEVER bukan sahaja dapat merencanakan penggunaan teknologi EV di kawasan kampus, malah berupaya menangani isu seperti aspek mampu milik, bakat mahir tempatan serta sokongan teknikal, kekurangan infrastruktur terkemuka dan kebimbangan jarak melalui pendekatan terbaik.

Beliau berkata, pihaknya komited menjadikan Malaysia negara pengeksport komponen EV, menerusi pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan, termasuk pelancaran CLEVER.

DISEDIAKAN
OLEH

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM